

D.R. 44/94

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Bantuan Guaman 1971.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bantuan Guaman (Pindaan) 1994. Tajuk ringkas.
2. Akta Bantuan Guaman 1971, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 2 dalam takrif "hakim" dengan memasukkan selepas perkataan "Hakim Mahkamah Tinggi" perkataan ", Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan, mengikut mana-mana yang berkenaan". Pindaan seksyen 2. Akta26
3. Subseksyen 15(2) Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 15.
 - (a) dalam subperenggan (b)(i) dengan menggantikan perkataan "seribu lima ratus" dengan perkataan "dua ribu"; dan
 - (b) dalam subperenggan (b)(ii) dengan menggantikan perkataan "dua" dengan perkataan "tiga".

Pindaan
seksyen 16.

4. Subseksyen 16(1) Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam subperenggan (b)(i) dengan menggantikan perkataan "seribu lima ratus" dan perkataan "lapan" masing-masing dengan perkataan "dua ribu" dan perkataan "tiga belas"; dan
- (b) dalam subperenggan (b)(ii) dengan menggantikan perkataan "dua" dan perkataan "tujuh ribu lima ratus" masing-masing dengan perkataan "tiga" dan perkataan "dua belas ribu".

Seksyen
baru 16a.

5. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 16A seksyen yang berikut:

"Bayaran pendaftaran" I6B. Mana-mana orang yang telah layak mendapat bantuan guaman di bawah seksyen 15, 16 atau 16A adalah dikehendaki membayar kepada Pengarah sejumlah dua ringgit sebagai bayaran pendaftaran"

Pindaan
seksyen 17

6. Subseksyen 17(1) Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam takrif "modal boleh guna"—
 - (i) dengan menggantikan perkataan "seribu lima ratus" yang terdapat dalam perenggan (v) dengan perkataan "dua ribu lima ratus"; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan "seribu" yang terdapat dalam perenggan (vi) dengan perkataan "tiga ribu"; dan
- (b) dalam takrif "pendapatan boleh guna"—
 - (i) dengan menggantikan perkataan "empat ratus", perkataan "seribu dua ratus lima puluh" dan perkataan "seribu" yang terdapat dalam perenggan (i), (ii) dan (iii) masing-masing dengan perkataan "satu ribu", perkataan "dua ribu" dan perkataan "satu ribu lima ratus";
 - (ii) dengan memotong perkataan "dan" yang terdapat di hujung perenggan (ii);

- (iii) dengan menggantikan noktah yang terdapat di hujung perenggan (iii) dengan perkataan "; dan"; dan
- (iv) dengan memasukkan selepas perenggan (iii) perenggan yang berikut:
 - "(iv) amaun yang dibayar oleh pemohon atau suami atau isteri pemohon terhadap Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Keselamatan Sosial Pekerja."

7. Perenggan 29(4)(b) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "satu" dengan perkataan "dua".

Pindaan
seksyen 29.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Bantuan Guaman 1971 ("Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan meminda takrif "hakim" supaya meliputi Hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Persekutuan.
3. *Fasal 3* dan *4* masing-masingnya bertujuan meminda seksyen 15 dan 16 Akta untuk menambah had maksimum berkenaan dengan modal boleh guna pemohon. Dengan pindaan ini, lebih ramai lagi orang akan layak mendapat bantuan guaman.
4. *Fasal 5* bertujuan memasukkan seksyen baru 16e bagi pemungutan bayaran pendaftaran bagi segala perkara sivil yang dikendalikan oleh Biro Bantuan Guaman selain daripada nasihat undang-undang.
5. *Fasal 6* bertujuan meminda takrif "modal boleh guna" dan "pendapatan boleh guna" dalam seksyen 17 untuk menambah amaun yang dikecualikan atau dipotong daripadanya. Ia juga bertujuan menambah suatu kategori lain yang akan dipotong daripada "pendapatan boleh guna" iaitu amaun yang dibayar terhadap Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Keselamatan Sosial Pekerja.
6. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 29 untuk menambah bayaran bagi nasihat undang-undang daripada satu kepada dua ringgit.

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1698.]